

TARIKH : 4 APRIL 2021
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 10

Rencana

• 4 April 2021 **BH AHAD**

Datuk Seri Mustapa Mohamed

Soalan (S): Banyak pihak membangkitkan soal hala tuju ekonomi negara kerana sehingga kini tidak ada satu pelan yang jelas. Boleh Datuk Seri ulas mengenai perka ini?

Jawapan (J): Tidak betul kalau kata kerajaan tiada hala tuju. Negara kita unik, sejak merdeka kita sudah ada perancangan yang memandu pertumbuhan ekonomi. Perancangan ini boleh dibahagikan kepada tiga peringkat, iaitu perancangan jangka pendek, sederhana dan panjang. Perancangan ini yang akan memacu ekonomi negara.

Umumnya, perancangan jangka panjang merangkumi 10 tahun atau lebih. Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB) 2030 menjadi hala tuju ekonomi negara bagi tempoh 2021 hingga 2030.

WKB 2030 ialah satu itizam untuk menjadikan Malaysia sebagai negara yang mencapai pertumbuhan ekonomi mampan seiring dengan pengagihan ekonomi adil dan saksama, inklusif merentasi kumpulan pendapatan, etnik serta wilayah.

Satu lagi peringkat perancangan adalah rancangan jangka sederhana seperti Rancangan Malaysia Lima Tahun. Ia untuk memperincikan strategi dan program pembangunan negara, penyediaan peruntukan untuk membayai projek dan program yang dikenal pasti untuk mencapai sasaran ditetapkan.

S: Bagaimana pula dengan kedudukan Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12) yang sepatutnya dibentangkan pada tahun ini selepas dianjak daripada tahun lalu di-sebabkan COVID-19?

J: Unit Perancang Ekonomi (UPE), Jabatan Perdana Menteri (JPM) dengan kerjasama semua kementerian dan agensi

Rancangan 3 peringkat pelbagai dasar pandu pertumbuhan ekonomi

Ketika negara dalam proses pemulihan termasuk Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan, persoalan hala tuju ekonomi negara menjadi perhatian semua pihak, termasuk Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12). Ikuti wawancara **Fahmy Azril Rosli** dengan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Datuk Seri Mustapa Mohamed.

sudah hampir siap menyediakan RMKe-12 yang merangkumi tahun 2021-2025.

Pada 1 Mac lalu, dalam ucapan Majlis Amanat Perdana Setahun, Perdana Menteri menyentuh inti pati RMKe-12 dan menjelaskan hala tuju ekonomi negara.

RMKe-12 mempunyai objektif untuk mencapai 'Malaysia Makmur, Inklusif dan Mampan' serta merancakkan kemajuan pertumbuhan ekonomi, memastikan kemakmuran negara dapat dianggarkan secara adil, saksama serta memelihara kelestarian alam sekitar.

Walaupun RMKe-12 belum dibentangkan di Parlimen, pelaksanaan program dan projek pembangunan sudah bermula awal tahun ini selepas Belanjawan 2021 diluluskan di Parlimen pada 15 Disember lalu.

Beberapa bulan ini, kerajaan melancarkan beberapa rangka tindakan dan dasar yang selaras dengan strategi di bawah RMKe-12 seperti, Rangka Tin-dakan (Blueprint) Ekonomi Digital Malaysia (MyDIGITAL), Dasar Perpaduan Negara, Daran Pelancangan Negara (DPN) 2020-2030, Dasar Perhubungan Malaysia, Pelan Transformasi

Koperasi Malaysia (Trans-KoM) 2021-2025 serta Dasar Sains dan Teknologi Negara, 2021-2030.

Dasar dan hala tuju negara digubal barisan Jemaah Menteri yang terdiri daripada BER-SATU, UMNO, PAS, MCA, MIC dan Gabungan Parti Sarawak (GPS). Barisan Kabinet di bawah kepimpinan Perdana Menteri bersama pegawai berkenaan bersatu hati dan bertungkus-lumus bekerja untuk memastikan Malaysia mempunyai perancangan mantap serta pelaksanaan berkesan.

Perancangan jangka pendek pula ialah belanjawan tahunan disediakan Kementerian Kewangan untuk melaksanakan strategi dan inisiatif digariskan dalam pelan rancangan sederhana.

S: Sejauh mana kedudukan Belanjawan 2021 dalam konteks membantu rakyat yang berdepan dengan masalah ekonomi?

J: Pada 6 November 2020, Menteri Kewangan membentangkan Belanjawan 2021 bernilai RM322.5 bilion, ialitu belanjawan terbesar dalam sejarah untuk memastikan keselajeraan rakyat terus terbelia.



Faktor luaran, dalaman beri petunjuk lebih positif

S: Bagaimana Datuk Seri melihat keadaan ekonomi pada tahun ini? Apakah negara kita berada dalam landasan untuk pulih?

J: Bank Negara mengumumkan ekonomi Malaysia dijangka berkembang antara 5 hingga 7.5 peratus pada 2021 selepas mencatatkan penguncutan 5.6 peratus tahun lalu, berikutnya permintaan luaran lebih ku-

kuhan dan peningkatan aktiviti domestik.

Ini selaras dengan anggaran Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) sebanyak 6.5 peratus pada 2021 dan anggaran Bank Dunia sebanyak 6 peratus.

Di samping itu, berdasarkan petunjuk ekonomi, terdapat tanda ekonomi semakin pulih. Sebagai contoh, perdagangan

barungan Malaysia terus menunjukkan prestasi baik pada Februari lalu dengan peningkatan dalam eksport dan import.

Jumlah dagangan pada bulan semasa mencatatkan peningkatan 15.4 peratus kepada RM157.3 bilion. Eksport berkembang 17.6 peratus, mencatat pertumbuhan yang paling tinggi tempoh 28 bulan diso-

kong oleh peningkatan permintaan luaran berikutan peningkatan penggunaan teknologi, manakala import bertambah 12.7 peratus.

Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPP) kekal momen pertumbuhan pada Januari lalu, merekodkan pertumbuhan 1.2 peratus dipacu oleh Indeks Pembinaan yang meningkat sebanyak 3.5 peratus.

Nilai jualan sektor pembuatan Malaysia pada Januari lalu berjumlah RM122.9 billion meningkat kepada 4.1 peratus berbanding RM118.0 billion yang dilaporkan tahun sebelumnya.

Beberapa lagi petunjuk ekonomi lain turut memperlihatkan pencapaian lebih baik seperti kelulusan permulaan pembina-

an perumahan, kenderaan atas lebuhraya dan jualan kendaraan.

S: Ramai yang mahu melihat momentum pemulihan ekonomi. Apa komen Datuk Seri?

J: Momentum pemulihan ekonomi dijangka berterusan dan ekonomi kembali ke tahap prapandemik 2019 seawal pertengahan 2021.

Ini disokong langkah pembentangan COVID-19 berikutnya pelaksanaan program vaksinasi mewujudkan sentimen baik.

Pada masa sama, pemulihan kepadaadaan pasaran buruh secara beransur-ansur dengan purata kehilangan pekerjaan harian semakin menurun.

Kesinambungan pelaksanaan